

# DR. MAHATHIR

## LAHIR DI TENGAH<sup>2</sup>

UM 13 OCT 1990

## KEMELUT MELAYU

Oleh

Mohd. Yusof Hasan

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

adalah kerana peranan besar yang dimainkan oleh UMNO yang mempunyai rekod begitu cemerlang. Sejak ditubuhkan dalam 1946 dulu UMNO terus menerus berjuang menentukan ketuanan Melayu dengan menghadapi berbagai halangan.

Dalam tahun 1951, segolongan ahli UMNO telah menubuhkan Pas. Kepimpinan UMNO bertukar tangan dari Dato' Onn Jaafar kepada Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj kerana perbezaan matlamat dan perjuangan. Sejarah berulang lagi, apabila dalam tahun 1987, UMNO berpecah dan segolongan ahlinya menubuhkan Parti Semangat 46 pula.

Lihat betapa hari ini Pas dan Semangat 46 yang ingin lari dari UMNO, tapi terjebak dengan perangkap CCC dan DAP. Maka akan teruslah berakhir "jeritan batin", "tangisan peribumi" dan "parahnya Melayu" ini.

UMNO menghadapi kehancuran adalah kerana ahli-ahlinya sendiri yang menghadapi kekalahan dalam undian pucuk kepimpinan. Bila selesai sahaja pengundian, pihak yang kalah mencari punca bahawa keahlian yang tidak sah. Tetapi mengapa masalah ini tidak ditimbulkan sebelum pilihan kepimpinan diadakan? Inilah soalan yang besar yang hendak ditanya oleh setiap orang Melayu.

Kalau kita jujur, mengapa keahlian perwakilan yang tidak sah itu tidak dipertikaikan sebelum pengendalian dijalankan? Mengapa bila sudah kalah, ditimbulkan keahlian tidak sah? Inilah punca kejatuhan dan perpecahan Melayu kini. Bila UMNO diharamkan, alternatifnya ialah menubuhkan UMNO semula dengan diberikan tambahan nama "Baru" untuk meneruskan *survival* orang Melayu.

DEKAD 90-an ini akan menjanjikan satu dekad yang hebat kalau kita pandai-pandai bertindak dalam menentukan *survival* bangsa Melayu.

Dekad ini akan memastikan kegemilangan dan kecemerlangan keturunan Melayu-Islam di abad akan datang kelak. Inilah aliran pemikiran baru dan dinamis untuk persediaan abad ke-21 akan datang.

Bermula dari awal abad ke-20, bangsa Melayu ditindas oleh British. Kesedaran mulai timbul pada dekad 10-an bila orang Melayu pergi belajar ke Timur Tengah. Dekad 20-an orang Melayu menghadapi aliran baru modenisme dalam kepercayaan agama: Kaum Tua vs Kaum Muda. Dekad 30-an orang Melayu bersama arus nasionalisme Asia Tenggara menentang penjajah. Dekad 40-an orang Melayu dengan kemelut peperangan Jepun. Dekad 50-an kita bersedia untuk kemerdekaan. Dekad 60-an, pembangunan rakyat desa dan pengisian kemerdekaan. Dekad 70-an dengan Rancangan Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru. Dekad 80-an, perjuangan untuk kekuatan ekonomi dan kemunculan usahawan Melayu yang terus dilanda berbagai cabaran.

Bila bermula dekad 90-an ini kita ibarat sedang "bermesuarat" dengan perancangan pembangunan bangsa dan pelaksa-

naannya yang belum selesai, kita dilanda pula dengan rebutan kuasa di kalangan bangsa sendiri.

Demikianlah kita berada dalam "mesyuarat" dan "dunia" yang belum tamat dilanda dengan "ranjau sepanjang jalan" dan "masalah keliling pingpong."

Sejarah ini harus difahami, dihayati dan dibuat iktibar supaya apa yang kita lakukan hari ini tidak menjadi risiko bahaya dan ancaman besar di masa depan terhadap *survival* bangsa Melayu sendiri.

Keadaan bangsa Melayu kini adalah hasil dari latar belakang pendidikan dalam 3 jurusan yang berbeza-beza: Pendidikan Melayu, pendidikan Arab/agama dan pendidikan Barat. Maka lahirlah sikap, sifat dan "pandangan dunia" yang berbeza-beza pula dalam masyarakat kita.

Sebab itu "kaedah perjuangan yang tidak sejiwa" berlaku dalam masyarakat Melayu. Satu pihak melihat sesuatu dengan sudut yang berbeza-beza. Misalnya dalam penyebaran dakwah ada golongan tabligh, ABIM, Arqam, PERKIM dan sebagainya. Dalam politik pula ada UMNO, ada Pas, ada 51, ada 46 dan Hamim dan ada Berjasa.

Dan tidak lama lagi akan lahir pula golongan Melayu baru yang pulang dan berbeza-beza tempat pendidikannya — seperti dari Barat (England, Eropah dan Amerika Syarikat), dan Timur (Jepun, Korea dan Taiwan), dari Timur Tengah (Mesir, Arab Saudi dan Turki), dan Selatan (Australia dan New Zealand).

Perpecahan dakwah dan akhlak dan perpecahan politik dan kuasa di kalangan kita orang-orang Melayu masa kini sangat-sangat dialu-alukan oleh pihak-pihak lain. Lebih buruk lagi kita berpecah, lagi seronok orang mengambil kesempatan. Bukankah kejatuhan Melaka dan kejatuhan kuasa Melayu dulu kerana akibat dasar *divide and rule*, "pecah-pecah kemudian perintah" pihak penjajah?

Apabila kita sudah berpecah dan orang lain memerintah kita, maka ketika itu kita menangis air mata darah sekalipun, kita tidak dapat menebusnya kembali.

Sebelum masa itu tiba, sebelum kita diperintah orang, apakah salah kita melaksanakan jihad terhadap golongan kita sendiri yang ingin memecahbelahkan bangsa kita?

Satu hal yang paling mencemaskan dan mengancam kita ialah bilangan bangsa kita yang semakin kurang. Kedudukan politik sebenarnya adalah bergantung kepada bilangan: Siapa ramai siapa memerintah. Dengan kedudukan kependudukan 50-50 begini dewasa ini kita sentiasa terancam oleh kuasa lain yang sentiasa menunggu kesempatan menakluk kita, ibarat seperti bom jangka — *time bome* yang amat merbahaya.

#### **UMNO: Satu pencapaian rekod cemerlang**

Orang Melayu harus akui bahawa *survival* mereka selama ini

#### **Pengubat penyakit ekonomi**

Di tengah-tengah kemelut dan dilema Melayu, lahirlah Dr. Mahathir Mohamad, seorang doktor perubatan yang sentiasa peka kepada penyakit-penyakit lahir batin bangsa Melayu. Bila menjadi pemimpin negara ia ingin mengubat penyakit-penyakit ekonomi dan sosio-politik Melayu.

Tujuan kita bukan memuji Dr. Mahathir tapi sekadar menilai prestasi kepimpinannya. Dr. Mahathir dengan perwatakan dan perawakannya begitu teliti bertindak dengan visinya yang jelas dan misinya yang terang. Dengan disiplin diri yang penuh dedikasi, ia ingin membawa bangsa Melayu-Islam ke arah yang progresif. Kerana disiplin, dedikasi, kerja kuat dan tegas itu, Dr. Mahathir disalahertikan dan dianggap sebagai "diktator" dan "kuku besi".

Dr. Mahathir dipuja dan dikeji di dalam dan di luar negeri oleh kawan dan lawan. Dulu ada orang menjadi menteri di dalam kabinetnya, terpaksa lari "membakar titinya sendiri" sekarang menjadi musuh ketatnya. Ada juga yang kalah, tetapi ditawarkan lagi jawatan menteri, tetapi tetap ingin bermusuhan dengannya. Parti-parti politik dan pemimpin-pemimpin Melayu tidak dapat memahami visi dan misinya.

Pihak birokrasi yang menjadi pelaksana dasar tidak dapat menghayati polisi-polisinya. Pihak akademia memandang sinis dan sepi perjuangan ketuanan dan *survival* Melayunya.

Dr. Mahathir banyak menjalankan dasar-dasar yang menguntungkan rakyat. Dalam pendidikan banyak dititikberatkan tentang pendidikan Melayu di dalam dan di luar negeri.

Di bidang ekonomi, dibawa banyak perubahan dalam projek-projek raksasa dengan mengambil contoh-contoh negara maju. Dasar-dasar penswastasaan dan sains dan teknologi tinggi dilaksanakan dengan kejayaan yang mengagumkan.

Dalam pembangunan sosial dan penyusunan masyarakat, Dr. Mahathir mementingkan pembasmian kemiskinan dan buta huruf. Dasar-dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan pengurusan ditekankan dari peringkat atas ke peringkat bawahan.

Semua dasar ini mengambil masa untuk dilaksanakan sepenuhnya. Dalam proses itu, Dr. Mahathir dituduh dan ditohmah dengan berbagai-bagai fitnah. Kita sebenarnya tidak sabar untuk menunggu sesuatu yang baik!

Dasar-dasar luar negeri Dr. Mahathir juga memberi impak besar kepada dunia. Penglibatan dalam pembasmian dadah, anti-aparteid, CHOGM, pencemaran alam dan ozon di peringkat antarabangsa mengagumkan dunia.

Pertemuannya dengan Kenneth Kaunda dan Nelson Mandela di Lusaka adalah lambang kejayaan perjuangan internasional Dr. Mahathir sendiri. Kunjungan Yassir Arafat ke Malaysia adalah pengiktirafan perjuangan Islam Dr. Mahathir di mata antarabang-

sa.

Pergolakan politik dinamis dan pembangunan masyarakat baru menjadi teras pemikiran Dr. Mahathir yang terdapat dalam penulisan *Dilema Melayu dan Menghadapi Cabaran* serta penguapannya dalam ratusan upacara rasminya di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Di dalam buku *Menghadapi Cabaran*, Dr. Mahathir menyentuh beberapa aspek kehidupan orang-orang Melayu-Islam; dilema pendidikan, Barat dan Timur, materialisme dan kerohanian, orang-orang Melayu-Islam dan pengaruh komunis, sistem nilai dan orang Melayu, rohaniah dan cabaran moden, inflasi dan reaksi, organisasi dan disiplin, rasuah dan UMNO dan perpaduan.

Inilah tanda kesyukuran kita. Kita harus akui bahawa UMNO dan Dr. Mahathir juga ada sedikit-sedikit kelemahannya, tapi dalam kelemahan sebagai manusia itulah, kita mencari kekuatan. Untuk mencari kelemahan memanglah banyak, malah diri kita sendiri pun banyak kelemahan lahir dan batinnya.

Dr. Mahathir hendak menghapuskan AIDS (*Arrogance, Ignorance, Decadence and Stupidity*) dalam masyarakat Melayu dibantu oleh tokoh-tokoh seperti Ghafar Baba dengan pembasmian kemiskinan; Anwar Ibrahim dengan pendidikan dan keislaman; Daim Zainuddin dengan keteguhan ekonomi dan kewangan; dan Sanusi Junid dengan pemikiran dinamik dalam pertanian dan pembangunan desa.

### Usaha-usaha memusnahkan Melayu-Islam

Banyak usaha telah dilancarkan untuk menghapuskan bangsa Melayu-Islam di muka bumi ini. Melayu adalah bangsa yang lemah lembut, menurut addin Islam yang begitu sempurna. Kombinasi sifat-sifat dan sikap-sikap Melayu-Islam inilah yang menjadi teguh dan sukar dihancurkan. Tetapi kini ada banyak anasir dan sindiket serta konspirasi yang ingin memusnahkan Melayu-Islam dari segi akidah dan cara hidupnya.

Ada pihak mahu ambil kuasa orang Melayu-Islam melalui politik; ada pihak mahu melemahkan akidah Melayu-Islam melalui dakwah; ada pihak mahu hapus golongan remaja Melayu-Islam dengan pengaruh budaya kuning dan najis dadah; ada pihak mahu Melayu-Islam punah ranah dengan kuasa ekonomi.

Malah ada pemimpin Melayu-Islam yang turut pergi ke luar negeri untuk menghasut pelajar Melayu-Islam dengan mengatakan kerajaan Malaysia zalim, kerajaan Malaysia sekular dan kerajaan Malaysia anti-Islam. Pada hal anak Melayu-Islam yang tidak berdosa itu pergi keluar negeri berjihad mencari ilmu yang asalnya adalah ilmu Islam. Inilah pengkhianatan dan malapetaka yang besar melanda bangsa kita yang dibuat oleh bangsa kita sendiri.

Kalau dibuat bandingan, kita dengan berani mendakwa bahawa tidak ada satu negara pun di dunia ini seperti Malaysia yang menghantar beribu-ribu anak negerinya belajar di luar negeri di peringkat diploma dan ijazah pertama mereka.

Kini ada lagi usaha-usaha memusnahkan bangsa kita dalam politik. Ada pihak yang sanggup bersekongkol dengan musuh-musuh Melayu-Islam untuk memusnahkan bangsa dan agama kita sendiri. Kita sudah kenali musuh-musuh Melayu-Islam ini yang pernah membawa dasar Malaysian Malaysia, yang ingin memusnahkan hak-hak istimewa Melayu, dan yang telah mempertikaikan

ketuanan Melayu. Dulu kita sudah hilang Singapura, apakah kini nak hilang Pulau Pinang pula?

Lihatlah betapa kehancuran Melayu Melaka dulu disebabkan hanya oleh kerana Kitol dan Raja Mendeliar. Apakah Kitol-Kitol dan Raja-Raja Mendeliar moden yang rakus ini harus dibiarkan begitu sahaja dalam usaha kita menentukan *survival* ini?

Orang Melayu-Islam patut bangun bersama-sama menentang musuh-musuh ini sebelum mereka memusnahkan kita. Ada pula pihak parti Islam yang sanggup bersekongkol dengan komplot-komplot yang nak memusnahkan Islam itu sendiri. Inilah taktik *the end justifies the means* atau "matlamat menghalalkan cara", dengan apa cara jua sekali pun. Biar musnah Melayu dan biar musnah Islam asalkan hawa nafsu yang rakus dapat dipenuhi.

### Apa yang perlu untuk ketuanan Melayu-Islam?

Untuk *survival* Melayu-Islam yang berpegang teguh kepada Islam — kita wajib rujuk kepada Al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad S.A.W.

Al-Quran memberi petunjuk-petunjuk kepada "jalan yang benar". Allah mengiktiraf kesempurnaan manusia sebagai hamba Allah dan khalifah manusia. Allah memberi fakulti otak dan minda untuk berfikir. Allah mengakui kewujudan kaum-kaum dan mereka boleh menentukan nasib mereka sendiri di dunia dan akhirat. Nabi Muhammad S.A.W. sendiri adalah pembawa kebenaran, pemimpin politik, pejuang hak-hak manusia, perancang ekonomi, usahawan *international trade*, pembawa rahmat kemanusiaan dan negarawan ulung. Beliau membawa akidah Islam yang dianggap sebagai *a world affirmative religion* — agama yang mementingkan kedua-dua dunia dan akhirat sekaligus.

Kerana itu kita orang Melayu-Islam mesti mempertahankan ketuanan dan *survival* kita. Kita mesti pertahankan kuasa, mesti meninggikan ekonomi, supaya dapat mengadakan dasar untuk agama dan hak istimewa kita. Kita perlu teguhkan politik kita, perlu kaya-raya, perlu ramai bilangannya, perlu daya ketahanan ummah, perlu ada strategi, perlu ada teknologi dan perlu ada peningkatan pemikiran.

Inilah aspek-aspek yang boleh dan mampu menjamin kuasa ketuanan Melayu dan kecemerlangan syiar dan sinar Islamnya. Sesungguhnya kita sudah lengkap — berbangsa Melayu dan berkepercayaan Islam — satu kombinasi teras kebahagiaan dunia dan keselamatan akhirat.

Allah menyuruh kita mengubah nasib kita (Surah Arrad, ayat 11 dan Surah Al-Qisas, ayat 77). Sebab itulah kita mesti sentiasa berusaha menguasai negara kita sendiri supaya kita akan *survive* selama-lamanya.

### Formula kita dan seruan suci

Untuk kesimpulannya, kita perlu ada formula dan strategi Melayu-Islam, iaitu: SBPS — kita perlu tahu "S" — "Sejarah", "B" — "Bangsa", "P" — "Pemikiran" dan "S" — "Sikap".

Dalam "Sejarah", lihatlah sejarah "Singapura" dan sejarah "Sabah" untuk menyelamatkan sejarah "Semenanjung". Lihat betapa bangsa kita dibelenggu oleh berbagai-bagai anasir luar dan dalam. Jaga-jagalah dengan aman kerajaan minoriti. Ubahlah sikap dan sifat kita untuk mencapai matlamat *survival* "Melayu-Islam".

Kita perlu kuasai PEPSI — "Politik, Ekonomi, Pelajaran, Sosial dan Islam" — dan KEDAH — "Kuasa, Ekonomi, Dasar, Agama dan Hak Istimewa".

Untuk mencapai segala matlamat dan strategi Melayu-Islam itu, saya dengan segala hormatnya dan tulus ikhlas membuat 7S — "Seruan Suci Supaya Sama-Sama Selamat Sejahtera Sentiasa" kepada pemimpin Melayu MFR — "Mahathir, Fadzil Noor dan Razaleigh". Mari kita bersatu semula dalam ikatan ukhuwah Melayu-Islamiah supaya kita dapat sentiasa mengucapkan TAHMID — "Tak Akan Hilang Melayu/Muslim Ini Di Dunia"!